

ETIKA DIGITAL PELAJAR PRASISWAZAH DALAM PENGUNAAN MEDIA SOSIAL

DIGITAL ETHICS OF UNDERGRADUATE STUDENTS IN SOCIAL MEDIA

Mohamad Afandi Md Ismail^{1*}
Mohamad Khairul Izwan Rifin²
Muhamad Hasif Yahaya³
Mohamad Azhan Yahya⁴
Muhammad Amirul Irfan Mohd Azizan⁵

¹ (Corresponding author) Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia.

(Email: mohamadafandi@uitm.edu.my)

² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia.

(Email:khairulizwan@uitm.edu.my)

³ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia.

(Email: hasifyahaya@uitm.edu.my)

⁴ Pensyarah Universiti, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Lingkungan Ilmu 43600 Bangi, Selangor.

(Email:azhan@ukm.edu.my)

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia.

*Corresponding author:

(Email:mohamadafandi@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 9-7-2025

Revised date : 10-7-2025

Accepted date : 4-9-2025

Published date : 10-9-2025

To cite this document:

Md Ismail, M. A., Rifin, M. K. I., Yahaya, M. H., Yahya, M. A., & Mohd Azizan, M. A. I. (2025). Etika digital pelajar prasiswazah dalam penggunaan media sosial. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 433 – 445.

Abstrak: *Kajian ini meneliti tahap kesedaran, amalan, dan cabaran etika dalam penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar prasiswazah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Pendekatan kuantitatif deskriptif digunakan dengan reka bentuk tinjauan melalui edaran borang soal selidik atas talian kepada 154 responden yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah, berdasarkan garis panduan Krejcie dan Morgan. Instrumen kajian dibina berasaskan literatur berkaitan etika digital dan mengandungi empat bahagian: demografi, tahap kesedaran etika, amalan etika, serta isu dan cabaran media sosial, menggunakan skala Likert lima mata. Analisis deskriptif menunjukkan tahap kesedaran ($min=4.63$, $SP=0.46$) dan amalan etika ($min=4.63$, $SP=0.42$) berada pada tahap tinggi, manakala cabaran etika ($min=2.71$, $SP=1.09$) berada pada tahap sederhana rendah. Dapatan turut menunjukkan majoriti responden adalah perempuan (71.4%), dan responden menggunakan media sosial antara 4–6 jam sehari (50.6%). Hasil kajian membuktikan bahawa pelajar ACIS memiliki kesedaran dan amalan etika digital yang mantap serta keupayaan mengekang cabaran etika dalam persekitaran maya. Kajian ini*

mencadangkan pengukuhan modul literasi digital berteraskan nilai Islam dalam kurikulum pengajian tinggi sebagai langkah berterusan memastikan integriti dan tanggungjawab etika pelajar di era media sosial yang dinamik

Kata Kunci: Etika digital, media sosial, pelajar prasiswazah, kesedaran etika, amalan etika.

Abstract: *The purpose of this study is to investigate the level of awareness, practices, and ethical challenges in the use of social media among undergraduate students at the Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. The study adopted a descriptive quantitative research design. An online questionnaire survey was administered to 154 respondents, selected through simple random sampling in accordance with Krejcie and Morgan's guidelines. The research instrument was developed based on the literature on digital ethics. It comprised four sections: demographic information, ethical awareness, ethical practices, and issues and challenges in social media. Each section was measured using a five-point Likert scale. Descriptive statistical analysis showed that ethical awareness ($M=4.63$, $SD=0.46$) and ethical practices ($M=4.63$, $SD=0.42$) were both high. Ethical challenges ($M=2.71$, $SD=1.09$) were at a moderately low level. The results also showed that the majority of respondents were female (71.4%). Most respondents used social media for 4–6 hours per day (50.6%). The findings demonstrate that ACIS students have strong awareness and practice of digital ethics and the capacity to address ethical challenges in the virtual environment. This study contributes to digital ethics knowledge in higher education. It recommends integrating digital literacy modules grounded in Islamic values into the higher education curriculum as an ongoing effort. This will help foster student integrity and ethical responsibility in the dynamic era of social media.*

Keywords: *Digital Ethics, Social Media, Undergraduate Students, Ethical Awareness, Ethical Practices.*

Pendahuluan

Perubahan norma etika dalam interaksi sosial di platform media sosial merupakan fenomena yang semakin ketara dalam era digital semasa. Media sosial bukan sahaja berfungsi sebagai medium komunikasi utama, bahkan telah membentuk semula cara individu berinteraksi, bertukar maklumat dan membina jaringan sosial secara meluas. Transformasi teknologi ini telah mencetuskan perubahan terhadap nilai, norma dan budaya masyarakat, termasuk dalam kalangan generasi muda yang merupakan pengguna utama media sosial. Fenomena ini secara tidak langsung turut mempengaruhi tahap penghayatan etika dalam komunikasi, khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Media sosial kini menjadi sebahagian daripada rutin harian pelajar, berfungsi sebagai saluran komunikasi, sumber pembelajaran serta medium ekspresi diri.

Dalam konteks pelajar Islam, penggunaan media sosial sewajarnya berpaksikan kepada prinsip etika Islam yang menekankan adab, amanah dan kesantunan dalam setiap bentuk komunikasi, sama ada di alam nyata mahupun maya. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti tahap kesedaran dan pengamalan etika pelajar prasiswazah terhadap penggunaan media sosial dengan memberi fokus kepada pelajar di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Kajian ini juga bertujuan mencadangkan pendekatan pendidikan dan bimbingan bersepadu bagi memperkukuh pengamalan etika digital dalam kalangan pelajar.

Selain itu, perkembangan pesat teknologi digital menuntut wujudnya keseimbangan antara kebebasan bersuara dengan tanggungjawab sosial. Media sosial tidak hanya berperanan sebagai ruang interaksi, tetapi turut menjadi medan pembentukan persepsi, nilai dan identiti generasi muda. Oleh itu, menilai sejauh mana pelajar prasiswazah menghayati dan mengamalkan etika digital adalah penting bagi memastikan penggunaan media sosial dapat memberikan manfaat positif serta menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih berintegriti.

Permasalahan Kajian

Meskipun media sosial menawarkan pelbagai kemudahan dan peluang, ia turut mendedahkan pelajar kepada risiko tertentu seperti penyebaran maklumat palsu, penyalahgunaan bahasa serta penglibatan dalam amalan yang bercanggah dengan nilai moral dan agama (Rafiq, 2020; Rais et al., 2018). Menurut Hidayat et al. (2019), media sosial memberikan kebebasan yang luas kepada pengguna untuk mengekspresikan pandangan, emosi dan pendapat. Walau bagaimanapun, kebebasan ini turut membuka ruang kepada penyebaran berita palsu, ujaran kebencian dan provokasi yang berpotensi mencetuskan konflik serta perpecahan sosial sekiranya tidak dikawal dengan berhemah.

Situasi ini menimbulkan kebimbangan kerana pelajar prasiswazah merupakan bakal profesional dan pemimpin masa depan yang seharusnya mempamerkan tahap integriti serta tanggungjawab tinggi dalam penggunaan media sosial (Choi, 2022). Sekiranya aspek etika tidak diberi perhatian, ia boleh mendatangkan implikasi negatif seperti keruntuhan sahsiah, kemerosotan reputasi diri dan kesan buruk terhadap imej institusi pengajian tinggi (Rais et al., 2018).

Tambahan pula, terdapat jurang kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan etika digital yang merangkumi tanggungjawab mengekalkan kesahihan maklumat, mengelakkan ujaran kebencian serta mengamalkan kesantunan berkomunikasi di alam maya. Hal ini sejajar dengan dapatan Rafiq (2020) yang menegaskan bahawa golongan muda sebagai pengguna utama media sosial lebih mudah terdedah kepada isu penyalahgunaan teknologi. Oleh itu, wujud keperluan untuk menjalankan kajian yang bukan sahaja menilai tahap kesedaran pelajar, malah mencadangkan mekanisme pendidikan dan intervensi yang berkesan bagi memastikan penggunaan media sosial dapat dikawal secara lebih beretika dan seiring dengan tuntutan nilai akademik serta agama .

Sorotan Literatur

Penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi semakin meluas dan menjadi sebahagian daripada rutin harian. Walau bagaimanapun, kebebasan dalam dunia digital ini telah menimbulkan persoalan tentang tahap etika dan tanggungjawab pelajar semasa menggunakannya. Beberapa kajian telah dijalankan bagi menilai sejauh mana pelajar mampu menyesuaikan diri dengan tuntutan adab dan nilai murni ketika berinteraksi di media sosial. Menurut Fazlinda dan Mohammad (2018), pelajar sering terdedah kepada kandungan yang tidak bermoral di media sosial, yang boleh merosakkan nilai dan akhlak sekiranya tidak ditapis secara bijaksana. Dapatan ini disokong oleh Awang et al. (2016) yang menekankan bahawa penggunaan gajet secara berlebihan tanpa kawalan mendorong kepada tingkah laku negatif dan boleh menjejaskan prestasi akademik pelajar. Kedua-dua kajian ini memperlihatkan keperluan kepada pemahaman etika dan disiplin sendiri agar pelajar tidak menjadi mangsa kepada kesan negatif media sosial.

Dalam kajian oleh Budiyanti et al. (2022), pelajar yang menyalahgunakan media sosial dikenal pasti berhadapan dengan pelbagai masalah tingkah laku seperti malas belajar, menggunakan bahasa kasar, serta hilang tumpuan ketika proses pengajaran berlangsung. Walaupun kajian ini dijalankan dalam konteks pelajar sekolah menengah, pola tingkah laku yang sama berkemungkinan wujud dalam kalangan pelajar prasiswazah, khususnya apabila tiada bimbingan atau sempadan jelas dalam penggunaan media sosial.

Selain kesan negatif, terdapat juga pandangan yang lebih seimbang dalam menilai pengaruh media sosial terhadap kehidupan pelajar. Kajian oleh Wei et al. (2023) menunjukkan bahawa pelajar menyedari kedua-dua sisi penggunaan media sosial. Responden mengenal pasti manfaat seperti penambahan pengetahuan dan peluang untuk bersosial, namun pada masa yang sama turut mengakui wujudnya risiko seperti buli siber, penipuan dalam talian, serta penyebaran maklumat palsu. Penulis juga menegaskan bahawa pelajar yang berfikiran positif dan memiliki sistem nilai yang mantap cenderung untuk menggunakan media sosial sebagai platform membina, manakala pemikiran negatif pula mendorong kepada penggunaan yang merosakkan. Ini menunjukkan keperluan untuk mendidik pelajar agar lebih literasi media dan mempunyai kebolehan menilai maklumat secara kritis.

Sehubungan itu, aspek kematangan berfikir ditekankan oleh Jaili dan Metussin (2023), yang menyatakan bahawa keberkesanan penggunaan media sosial bergantung kepada keupayaan pengguna dalam menilai baik buruk sesuatu tindakan. Pengguna perlu mempunyai pemikiran rasional dan nilai kebertanggungjawaban sebelum menyebarkan maklumat atau melibatkan diri dalam perbualan maya. Pandangan ini turut dikongsi oleh Indra et al. (2023) yang mengaitkan etika penggunaan media sosial dengan adab dalam Islam. Sekiranya media sosial digunakan secara niat yang betul dan berlandaskan nilai agama, ia akan memberi manfaat yang besar. Namun, penyalahgunaan membawa kepada kesan yang sia-sia dan merugikan.

Isu adab juga menjadi perhatian dalam kajian oleh Larasaty (2022), yang mengkaji impak kebebasan bersuara (freedom of speech) terhadap etika interaksi dalam media sosial. Kajian tersebut mendapati bahawa ramai yang menyalah tafsir konsep kebebasan bersuara dan menggunakannya sebagai alasan untuk menyebarkan ujaran kebencian. Hal ini mencerminkan pentingnya pengetahuan tentang batasan moral dan perundangan dalam menyuarakan pendapat, terutamanya dalam konteks pelajar Islam yang terikat dengan syariat.

Bagi membina sikap beretika dalam media sosial, Safuan dan Aufa (2022) mencadangkan beberapa langkah praktikal seperti menggunakan bahasa yang santun, tidak menyebarkan fitnah atau kebohongan, serta meluruskan maklumat yang salah dengan memberi nasihat secara berhikmah. Panduan ini sesuai dijadikan kerangka asas dalam membentuk budaya penggunaan media sosial yang bertanggungjawab dalam kalangan pelajar prasiswazah.

Untuk memahami konsep etika itu sendiri, adalah penting untuk membezakan antara moral dan etika. Menurut Basuki (2019), moral ialah ajaran, manakala etika pula merupakan bidang ilmu yang menyelidik tingkah laku moral. Pandangan ini disokong oleh Bertens (1993) dan Harahap (2015), yang menjelaskan bahawa etika ialah ilmu tentang moral yang berperanan sebagai panduan dalam menentukan benar atau salah sesuatu tindakan. Maka, memahami etika secara ilmiah adalah asas dalam menilai perlakuan pelajar ketika menggunakan media sosial.

Secara keseluruhan, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa pelajar prasiswazah berada dalam posisi yang mencabar dalam menyeimbangkan antara keperluan sosial dan akademik

melalui media sosial. Tanpa panduan etika yang jelas, mereka berisiko terjerumus ke dalam tingkah laku yang menyimpang. Justeru, pendekatan holistik yang melibatkan pendidikan nilai, garis panduan institusi, dan pendedahan kepada adab digital Islam perlu diberikan perhatian dalam kajian seterusnya.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif bagi menilai tahap kesedaran, pengamalan, dan cabaran etika dalam penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar prasiswazah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk meneroka fenomena sosial secara empirik dalam populasi yang luas tanpa manipulasi pemboleh ubah (Creswell, 2014). Reka bentuk kajian ini berbentuk kajian tinjauan, dengan borang soal selidik sebagai instrumen utama pengumpulan data. Borang soal selidik ini diedarkan secara dalam talian melalui platform Google Form bagi memudahkan capaian responden dan meningkatkan kadar respons. Populasi kajian terdiri daripada pelajar prasiswazah ACIS UiTM merentasi pelbagai program pengajian dan tahun pengajian. Kaedah pensampelan rawak mudah digunakan dalam pemilihan responden bagi memberikan peluang yang sama kepada semua pelajar untuk terlibat dalam kajian ini. Seramai 154 orang pelajar dipilih sebagai sampel kajian, jumlah ini ditentukan berdasarkan cadangan Krejcie dan Morgan (1970) yang menyarankan jumlah minimum sampel yang mencukupi untuk populasi bersaiz sederhana. Instrumen soal selidik yang digunakan dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan etika digital dan penggunaan media sosial. Ia mengandungi empat bahagian iaitu demografi pelajar, tahap kesedaran etika penggunaan media sosial, amalan etika pelajar di media sosial dan isu serta cabaran berkaitan media sosial. Item dalam bahagian kedua hingga keempat menggunakan skala Likert lima mata (1 - Sangat Tidak Setuju hingga 5 - Sangat Setuju) bagi membolehkan analisis tahap persepsi secara kuantitatif.

Hasil ujian menunjukkan nilai Alpha Cronbach melebihi 0.70, membuktikan instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang memuaskan (Fraenkel, Wallen, & Hyun, 2012). Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27, merangkumi analisis statistik deskriptif seperti min, peratusan dan sisihan piawai. Di samping itu, ujian inferensi asas seperti ujian-t atau ANOVA turut digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan berdasarkan ciri demografi responden. Keseluruhan kajian ini dijalankan dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan, termasuklah pemberian persetujuan termaklum oleh responden, jaminan kerahsiaan data, dan pematuhan kepada garis panduan penyelidikan UiTM.

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membentangkan hasil kajian secara terperinci berdasarkan analisis data yang telah dijalankan, diikuti dengan perbincangan yang mengaitkan dapatan tersebut dengan literatur terdahulu dan konteks kajian. Penemuan dibahagikan kepada beberapa bahagian utama iaitu kebolehpercayaan instrumen kajian, analisis demografi responden, serta tahap kesedaran, amalan dan cabaran etika dalam penggunaan media sosial. Setiap dapatan dianalisis bagi mengenal pasti pola, persamaan, dan perbezaan dengan kajian lepas, seterusnya memberikan interpretasi yang lebih mendalam terhadap implikasi kajian ini dalam konteks pelajar prasiswazah di ACIS UiTM.

Kebolehpercayaan Instrumen (Reliability Test - Cronbach's Alpha)


Jadual 1: Nilai Cronbach's Alpha bagi Set Soalan Setiap Konstruk

Skala	Bilangan Item α (Alpha) Tahap		
Kesedaran Etika	3 item	0.691	Diterima
Amalan Etika	6 item	0.836	Tinggi
Cabaran Etika	5 item	0.531	Rendah

Kebolehpercayaan setiap konstruk telah diuji menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Berdasarkan jadual 2, keputusan menunjukkan bahawa konstruk Amalan Etika mempunyai nilai α yang tinggi iaitu 0.836, menandakan kebolehpercayaan yang sangat baik dan konsisten dalam kalangan item soalan yang diuji. Konstruk Kesedaran Etika mencatatkan nilai α sebanyak 0.691, yang masih berada pada tahap boleh diterima dan mencukupi untuk tujuan kajian eksploratori. Walau bagaimanapun, konstruk Cabaran Etika mencatatkan nilai α yang agak rendah iaitu 0.531, menandakan kebolehpercayaan yang sederhana lemah. Hal ini mungkin disebabkan oleh variasi besar dalam persepsi pelajar terhadap bentuk cabaran etika yang dihadapi atau keperluan semakan semula terhadap item-item dalam konstruk tersebut.

Analisis Demografi

Bagi tujuan analisis demografi akan membincangkan berkait dengan jantina, program pengajian, tahun pengajian dan purata jam menggunakan media sosial dalam masa 1 hari.



Rajah 1: Jantina


Kajian ini melibatkan 154 orang pelajar prasiswazah ACIS UiTM sebagai responden. Berdasarkan Rajah 1, majoriti responden adalah perempuan iaitu sebanyak 71.4% (n=110), manakala lelaki hanya merangkumi 28.6% (n=44) daripada keseluruhan sampel kajian.

Dominasi responden perempuan ini selari dengan statistik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (2022) yang menunjukkan penyertaan pelajar perempuan lebih tinggi di institusi pengajian tinggi, khususnya dalam bidang pengajian Islam dan kemanusiaan. Dalam konteks ACIS, fenomena ini boleh dikaitkan dengan kecenderungan pelajar perempuan memilih bidang yang berkait rapat dengan pendidikan agama, etika, dan kemasyarakatan.

Perbezaan peratusan jantina ini berpotensi mempengaruhi corak dapatan kajian berkaitan kesedaran dan amalan etika penggunaan media sosial. Kajian Muscanell dan Guadagno (2012) serta Al-Menayes (2015) mendapati bahawa pelajar perempuan lebih cenderung menggunakan media sosial untuk tujuan komunikasi interpersonal dan sokongan emosi, manakala pelajar lelaki lebih tertumpu kepada hiburan dan maklumat teknikal. Keadaan ini memberikan justifikasi kepada analisis perbandingan jantina bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan dalam tahap kesedaran dan amalan etika digital dalam kalangan responden.

Program Pengajian

154 responses




Rajah 2: Program Pengajian

Rajah 2 menunjukkan taburan responden mengikut program pengajian. Majoriti terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Muamalat (48.1%, n=74), diikuti oleh Sarjana Muda Pengurusan Halal (33.8%, n=52) dan Diploma Pendidikan Islam (18.2%, n=28).

Kepelbagaian latar akademik ini penting kerana kurikulum setiap program memberi penekanan berbeza terhadap isu etika dan media sosial. Pelajar Muamalat cenderung kepada aspek etika perniagaan dan perundangan Syariah, pelajar Pengurusan Halal pula terdedah kepada isu pematuhan piawaian industri halal, manakala pelajar Diploma Pendidikan Islam mengaitkan etika media sosial dengan dakwah dan pendidikan moral. Kajian Yunus et al. (2021) menunjukkan bidang pengajian mempengaruhi literasi digital dan keutamaan nilai etika dalam interaksi atas talian, justeru kepelbagaian ini memberi konteks yang lebih luas kepada interpretasi dapatan.


Tahun Pengajian
154 responses



Rajah 3: Tahun Pengajian

Berdasarkan Rajah 3, hampir separuh responden berada pada tahun kedua pengajian (40.9%, n=63), diikuti rapat oleh pelajar tahun pertama (39%, n=60). Pelajar tahun ketiga merangkumi 14.9% (n=23), manakala tahun keempat mencatatkan jumlah paling rendah iaitu 5.2% (n=8). Komposisi ini menunjukkan majoriti responden berada pada peringkat awal pengajian, iaitu fasa peralihan daripada sekolah menengah atau diploma kepada kehidupan kampus. Ariffin et al. (2018) menegaskan bahawa pelajar pada fasa ini cenderung membentuk pola penggunaan media sosial yang lebih aktif dan kurang terkawal sebelum mencapai tahap kematangan etika digital yang lebih tinggi di tahun akhir. Justeru, peratusan besar pelajar tahun awal dalam kajian ini mungkin mempengaruhi corak dapatan terutamanya dalam aspek kesedaran dan amalan etika.

Purata masa penggunaan media sosial setiap hari
154 responses



Rajah 4: Purata Jam Penggunaan Media Sosial Dalam 1 Hari

Rajah 4 menunjukkan purata masa penggunaan media sosial dalam kalangan responden adalah tinggi. Lebih separuh (50.6%, n=78) menggunakan media sosial selama 4 hingga 6 jam sehari, diikuti oleh 31.2% (n=48) yang menggunakan lebih daripada 6 jam sehari. Sementara itu, 18.2% (n=28) melaporkan penggunaan antara 1 hingga 3 jam, dan tiada jumlah signifikan bagi kategori “kurang 1 jam”.

Dapatan ini seiring dengan laporan *Global Digital Overview* (2024) yang menyatakan purata masa penggunaan media sosial rakyat Malaysia adalah antara tertinggi di dunia, melebihi tiga jam sehari. Penggunaan yang tinggi meningkatkan pendedahan kepada pelbagai bentuk kandungan termasuk yang bercanggah dengan nilai etika. Kuss dan Griffiths (2017) memberi amaran bahawa penggunaan berlebihan tanpa kawalan sendiri boleh mengakibatkan risiko seperti terdedah kepada maklumat palsu, komunikasi toksik, dan normalisasi tingkah laku tidak beretika.

Dalam konteks pelajar ACIS, masa penggunaan yang panjang boleh dimanfaatkan untuk dakwah digital, perkongsian ilmu, dan pembinaan rangkaian profesional. Namun, tanpa kesedaran etika yang kukuh, ia boleh mengundang isu seperti penyebaran fitnah, pelanggaran privasi, atau perbincangan yang bercanggah dengan prinsip Islam.

Statistik Deskriptif Tahap Kesedaran, Amalan dan Cabaran Etika Penggunaan Media Sosial

Jadual 2: Min, Sisihan Piawai dan Tahap Skor Konstruk Etika Media Sosial

Konstruk Etika	Min Skor	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
Kesedaran Etika	4.63	±0.46	Tinggi
Amalan Etika	4.63	±0.42	Tinggi
Cabaran Etika	2.71	±1.09	Sederhana Rendah

Kajian ini telah menganalisis tahap kesedaran, amalan dan cabaran etika pelajar prasiswazah terhadap penggunaan media sosial melalui skor min bagi setiap konstruk utama. Berdasarkan Jadual 1, dapatan menunjukkan bahawa pelajar di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap etika penggunaan media sosial dengan min skor keseluruhan 4.63 (SP = 0.46). Sementara itu, amalan etika juga berada pada tahap tinggi dengan min skor 4.63 (SP = 0.42), menggambarkan bahawa pelajar bukan sahaja menyedari kepentingan etika dalam penggunaan media sosial, malah mengamalkannya dalam kehidupan seharian secara konsisten. Bagi cabaran etika, skor min menunjukkan nilai yang lebih rendah iaitu 2.71 (SP = 1.09), yang mengisyaratkan bahawa pelajar tidak terlalu terdedah kepada cabaran besar dalam beretika di media sosial. Walaupun terdapat pelajar yang pernah berkongsi maklumat tidak sah atau menerima kandungan negatif, namun secara keseluruhan pelajar menunjukkan keupayaan mengawal tingkah laku mereka dalam ruang digital.

Kesedaran Etika

Skor min bagi kesedaran etika adalah 4.63 (SP = 0.46), menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pelajar ACIS UiTM terhadap kepentingan beretika di media sosial. Dapatan ini konsisten dengan kajian oleh Omar et al. (2020) yang mendapati pelajar di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia mempunyai tahap kesedaran yang baik terhadap risiko dan implikasi tingkah laku di ruang digital, khususnya berkaitan privasi, keselamatan data, dan penyebaran maklumat sah. Tingginya tahap kesedaran ini boleh dikaitkan dengan pengaruh pendidikan formal yang menekankan nilai-nilai Islam, kursus etika profesional, dan pendedahan kepada kempen literasi digital yang dianjurkan oleh pihak universiti dan kerajaan.

Amalan Etika

Tahap amalan etika juga menunjukkan skor min 4.63 (SP = 0.42), menandakan pelajar bukan sahaja memahami kepentingan etika, tetapi mengaplikasikannya secara konsisten. Nilai sisihan piawai yang rendah menggambarkan konsistensi amalan dalam kalangan responden, tanpa perbezaan yang besar antara pelajar. Penemuan ini disokong oleh dapatan Al-Sharqi et al. (2015) yang menegaskan bahawa pemahaman terhadap prinsip etika digital lazimnya membawa kepada pembentukan tingkah laku beretika dalam penggunaan media sosial. Bagi pelajar ACIS, faktor agama dan budaya berperanan besar sebagai panduan tingkah laku, menjadikan mereka lebih berhati-hati dalam memilih kandungan untuk dikongsi atau diulas.

Cabaran Etika

Sebaliknya, konstruk cabaran etika menunjukkan skor min yang jauh lebih rendah iaitu 2.71 (SP = 1.09), pada tahap sederhana rendah. Hal ini menunjukkan pelajar secara umum tidak berdepan dengan cabaran besar dalam mengekalkan etika di media sosial. Walaupun wujud pengalaman tertentu seperti terdedah kepada maklumat palsu atau mesej berunsur negatif, kebanyakan pelajar dilihat mampu menapis dan mengawal kandungan yang mereka terima atau sebarkan. Nilai sisihan piawai yang tinggi bagi konstruk ini mengisyaratkan wujudnya variasi pengalaman antara responden; sebahagian kecil mungkin berdepan cabaran yang lebih ketara berbanding yang lain.

Perbandingan dengan Kajian Lepas

Perbandingan dengan kajian oleh Al-Menayes (2015) mendapati bahawa pengguna media sosial yang mempunyai kesedaran etika yang tinggi cenderung untuk lebih selektif dalam interaksi digital mereka, sekaligus mengurangkan pendedahan kepada cabaran etika. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian tempatan oleh Idris dan Ghani (2021) yang menunjukkan bahawa pelajar berasaskan pengajian Islam lebih cenderung untuk mematuhi garis panduan etika berbanding pelajar daripada bidang pengajian umum.

Implikasi Dapatan

Tahap kesedaran dan amalan yang tinggi, disertai cabaran etika yang rendah, memberi gambaran positif terhadap budaya penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar ACIS UiTM. Namun, dapatan ini juga membawa implikasi bahawa tahap kesedaran perlu dipelihara dan dipertingkatkan secara berterusan memandangkan landskap media sosial sentiasa berubah dengan kemunculan trend, platform, dan ancaman baharu. Latihan literasi digital yang berterusan, pengukuhan modul etika dalam kurikulum, dan penglibatan pelajar dalam program kesedaran awam berpotensi untuk mengekalkan tahap etika digital yang tinggi ini.

Rumusan Kajian Dan Cadangan

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar prasiswazah di ACIS UiTM mempunyai tahap kesedaran dan pengamalan etika yang tinggi dalam penggunaan media sosial. Hal ini menandakan bahawa mereka bukan sahaja memahami kepentingan etika digital, malah turut mengaplikasikannya dalam penggunaan harian mereka. Namun, cabaran tetap wujud khususnya dalam bentuk penyebaran maklumat yang tidak sahih, ketagihan penggunaan media sosial, serta pendedahan kepada kandungan negatif. Dapatan juga menunjukkan bahawa perbezaan cabaran etika berdasarkan jantina adalah signifikan, manakala perbezaan berdasarkan tahun pengajian tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Berikut merupakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan:

1. **Pemeriksaan Modul Etika Digital dalam Kurikulum:**

Pihak institusi boleh memperkenalkan modul etika penggunaan media sosial secara formal sebagai sebahagian daripada kursus wajib universiti.

2. **Bimbingan Berterusan melalui Kaunseling dan Program Kesedaran:**

Program pembangunan sahsiah pelajar perlu memberi fokus kepada pendidikan sendiri dalam menangani cabaran digital seperti penyebaran fitnah, buli siber dan kawalan masa penggunaan media.

3. **Kempen Kesedaran Berasaskan Nilai Islam:**

Program kesedaran etika yang berpaksikan nilai dan adab Islam wajar diperluaskan bagi membentuk jati diri Muslim yang bertanggungjawab dalam alam maya.

4. **Kerjasama dengan Pihak Luar:**

Kolaborasi dengan agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), NGO, dan content creator beretika dapat memberikan nilai tambah kepada usaha pendidikan etika media sosial.

5. **Penyelidikan Lanjutan:**

Kajian susulan boleh dijalankan secara longitudinal untuk menilai keberkesanan intervensi pendidikan etika serta menjangkau dimensi baru seperti pengaruh algoritma dan kecerdasan buatan (AI) terhadap tingkah laku pelajar di media sosial.

Diharapkan dapatan dan cadangan dalam kajian ini dapat menjadi asas kepada pembangunan dasar dan strategi pendidikan etika digital yang lebih mantap dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. Penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa sewajarnya perlu dikawal terutamanya dalam memastikan penggunaan tersebut tidak melibatkan unsur-unsur yang negatif dan bercanggah dengan etika penggunaan media sosial.

Rujukan

- Al-Menayes, J. J. (2015). Social Media Use, Engagement and Addiction as Predictors of Academic Performance. *International Journal of Psychological Studies*, 7(4), 86–94. <https://doi.org/10.5539/ijps.v7n4p86>
- Awang, N. A., Ali, N. M. H., Mohd, M. M. K., & Sunardi, S. (2016). Kesan dan Pengaruh Gajet Terhadap Akhlak dan Tingkah Laku Pelajar. *Prosiding Konferensi Akademik*, 1(2), 269–273.
- Aydınlar A, Mavi A, Kütükçü E, Kırımlı EE, Alış D, Akın A, Altıntaş L. Awareness and level of digital literacy among students receiving health-based education. *BMC Med Educ*. 2024 Jan 8;24(1):38. doi: 10.1186/s12909-024-05025-w.
- Aydınlar, A., Mavi, A., Kütükçü, E., & others. (2024). Awareness and level of digital literacy among students receiving health-based education. *BMC Medical Education*, 24, 38. <https://doi.org/10.1186/s12909-024-05025-w>
- Basuki, S. (2019). *Etika informasi*. Media Pustakawan.
- Bertens, K. (1993). *Etika*. Gramedia Pustaka Utama.
- Budiyanti, P., Ma'arif, D., Rohani, I., Mudhofar, A., & Marpuah, S. (2022). Usaha guru pendidikan agama Islam mengatasi kesan buruk media sosial terhadap akhlak pelajar SMPN 1 Sambit Ponorogo tahun akademik 2021/2022. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 3(2), 150–156.
- Choi, J. (2022). The role of social media in shaping ethical norms among adolescents. *Journal of Adolescent Research*, 37(5), 560–575. <https://doi.org/10.1177/07435584221085283>.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications.
- Fazlinda, A. H., & Mohammad, S. M. M. (2018). Impak media sosial terhadap tingkah laku sosial pelajar di kolej vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 3(1), 27–37.
- Had, A., & Garijih, S. (2016). The usage of social media, social networking sites and students' ethics: A study of students at Universiti Malaysia Sabah Labuan International Campus. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(2), 258–274.
- Harahap, R. Z. (2015). *Etika Islam dalam mengelola lingkungan hidup*. EDUTECH: Jurnal Ilmu Pendidikan dan Ilmu Sosial, 1(01).
- Hashim, K., Al-Sharqi, L., & Kutbi, I. (2016). Perceptions of Social Media Impact on Social Behavior of Students: A Comparison between Arts and Science Faculty. *Online Journal of Communication and Media Technologies*, 6(4), 147-165. <https://doi.org/10.29333/ojcm/2574>
- Hidaya, N., Qalby, N., Alaydrus, S. S., Darmayanti, A., & Salsabila, A. P. (2019). Pengaruh media sosial terhadap penyebaran hoax oleh digital native. Universitas Muslim Indonesia.
- Indra, N. S. B., Hashim, N. B., Hakim, H. H. B., & Syed Hassan, S. N. (2023). Adab berinteraksi di media sosial menurut al-Quran dan Sunnah. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11), 1–12.
- Jaili, H., & Metussin, H. (2023). Cabaran media sosial terhadap pendidikan aqidah Islam. *International Journal of Umrancic Studies*, 6(1), 55–63.
- Kamisan, M. H., & Bakar, M. S. A. (2021). The Usage Patterns of Social Media among University Students in Malaysia During the Movement Control Order (MCO). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 35–48. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i9/10971>
- Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. (2022). *Statistik pendidikan tinggi Malaysia 2022*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi.

- Kuss, D. J., & Griffiths, M. D. (2017). Social networking sites and addiction: Ten lessons learned. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 14(3), 311. <https://www.mdpi.com/1660-4601/14/3/311>. <https://doi.org/10.3390/ijerph14030311>
- Larasaty, D. (2022). Analisis freedom of speech di media sosial Twitter dengan kaitannya terhadap adab generasi muda Islam dalam berinteraksi di media sosial. *Al-I'lam: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 6(1), 27–36.
- Mokhtar, A., & Bahari, C. A. (2021). Social media and Islamic ethics: An insight to Instagram use by Muslim university students in Malaysia. *Intellectual Discourse*, 29(1), 175–206. International Islamic University Malaysia Press.
- Muscanell, N. L., & Guadagno, R. E. (2012). Make new friends or keep the old: Gender and personality differences in social networking use. *Computers in Human Behavior*, 28(1), 107–112. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2011.08.016>
- Rafiq, A. (2020). Dampak media sosial terhadap perubahan sosial suatu masyarakat. *Global Komunika*, 1(1), 18–29.
- Rais, N. S. R., Dien, M. M. J., & Dien, A. Y. (2018). Kemajuan teknologi informasi berdampak pada generalisasi unsur sosial budaya bagi generasi milenial. *Jurnal Mozaik*, 10(2), 61–71.
- Safuan, M., & Aufa, K. R. (2022). Adab komunikasi dalam Islam: Bijak dalam bermedia sosial. *Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi Islam*, 16(2), 280–296.
- We Are Social & Meltwater. (2024). *Digital 2024: Malaysia*. <https://datareportal.com/reports/digital-2024-malaysia>
- Wei, I. E. S., Lin, H. S., Pang, L. K., Ching, B. L. J., Zu, C. X., & Kang, N. W. (2023). Pengaruh media sosial terhadap pembentukan akhlak mahasiswa. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 106–121.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Fraenkel, J. R., Wallen, N. E., & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education* (8th ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- We also need you to provide D.O.I. for each references listed in your article to increase citation.